



sebalik  
**Yamashita**  
dan  
**Percival**

Novel cinta dan peperangan  
berlatarkan Perang Dunia Kedua  
di Semenanjung Tanah Melayu  
dan Singapura



**SHAARI ISA**


“... cinta ialah suatu tarikan  
oleh perasaan serba indah  
di hati seorang insan  
terhadap insan lain...”



“... baru aku sedar  
betapa buruknya peperangan  
dan betapa indahnya keamanan...”



sebalik  
**Yamashita**  
dan  
**Percival**



Untuk Y. ADBhg. Tim Dr. Mahathir,  
Dengan ingatan ikhlas


TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD



2-5-2015


# sebalik Yamashita dan Percival

SHAARI ISA



Institut Terjemahan & Buku Malaysia

Kuala Lumpur  
2015



# 217510

Buku **SEBALIK YAMASHITA DAN PERCIVAL** ini diterbitkan oleh Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.

Diterbitkan oleh:

**INSTITUT TERJEMAHAN & BUKU MALAYSIA BERHAD**

(No. Syarikat: 276206-D)

Wisma ITBM, No. 2, Jalan 2/27E

Seksyen 10, Wangsa Maju

53300 Kuala Lumpur

Malaysia

Tel.: 603-4145 1800

Faks: 603-4142 0753

E-mel: publishing@itbm.com.my

Laman Web: www.itbm.com.my

Cetakan Pertama 2015

Penerbitan © Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad

Teks © Shaari Mohd Isa

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad (sebelum ini dikenal sebagai Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad), Wisma ITBM, No. 2, Jalan 2/27E, Seksyen 10, Wangsa Maju, 53300 Kuala Lumpur.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Shaari Isa, 1933-

Sebalik yamashita dan percival / Shaari Isa.

ISBN 978-967-0798-85-1

1. Malay fiction. I. Judul.

899.2333

Dicetak di Malaysia oleh:

Legasi Press Sdn. Bhd.

No. 17A Jalan Helang Sewah

Taman Kepong Baru

52100 Kepong

Kuala Lumpur

899.2333

SIJA

Novel ini didedikasikan kepada  
yang meyakini cinta adalah suatu anugerah  
dan peperangan adalah suatu bencana.

# KANDUNGAN

Bahagian Satu	1
Bahagian Dua	29
Bahagian Tiga	49
Bahagian Empat	59
Bahagian Lima	85
Bahagian Enam	113
Bahagian Tujuh	129
Bahagian Lapan	151
Bahagian Sembilan	171
Bahagian Sepuluh	189
Bahagian Sebelas	207
Bahagian Dua Belas	225
Bahagian Tiga Belas	239
Bahagian Empat Belas	259
Bahagian Lima Belas	275
Bahagian Enam Belas	305
Bahagian Akhir	323
Lampiran	333

## CINTA

*Cinta penuh dengan keindahan.*  
(Han Suyin)

*Cinta ialah anak kunci yang dapat membuka pintu kebahagiaan.*  
(Oliver Wendell Holmes)

*Dicintai seseorang memberi kita kekuatan,  
mencintai seseorang memberi kita keberanian.*  
(Lao Tzu)

## PERANG

*Bencana terburuk dalam peperangan ialah yang muda terkorban  
di medan pertempuran, tetapi musuh-musuh mereka tinggal selamat  
di rumah masing-masing.*  
(Edward Abbey)

*Perang ialah pembunuhan dan penyeksaan terancang  
terhadap saudara kita.*  
(Alfred Adler)

*Apabila Perang Dunia Kedua berakhir,  
tidak ada sebuah negara pun,  
baik yang menang mahupun yang kalah,  
boleh mendabik dada bahawa  
mereka beroleh sesuatu daripada peperangan kerana  
kedua-dua belah pihak menderita kesengsaraan.  
Maka, kita sependapat bahawa  
segenap usaha hendaklah ditumpukan ke arah  
keamanan, kebahagiaan, kemakmuran, dan  
kehidupan yang selesa bagi umat manusia sejagat.*  
(Tunku Abdul Rahman)

## BAHAGIAN SATU

### 1

“**APAKAH** maksud tua dan muda pada pandanganmu, Richard?” soal Hazel kepada suaminya, Richard Carter, yang merupakan pengurus Ladang Getah Sungai Tukang, iaitu ladang milik Dunlop yang terletak di pinggir bandar Sungai Petani, Semenanjung Tanah Melayu ketika Perang Dunia Kedua hampir-hampir meletus. Pasangan suami isteri itu pada waktu itu sedang duduk di taman banglo yang menjadi kediaman mereka sambil menikmati minuman pada petang yang dibungkus oleh suasana sunyi di ladang getah yang berekar-ekar luasnya itu. Sinar matahari yang semakin lembut pada petang bulan Oktober itu melukiskan hamparan bebayang banglo di seluruh kawasan halaman di hadapan mereka.

Richard langsung tersenyum apabila mendengar soalan isterinya itu. Richard, pengurus ladang itu, baru sahaja mencapai usia empat puluh tahun; walau bagaimanapun pada wajahnya, iaitu di hujung kedua-dua belah matanya, sudah ada sedikit kedutan. Richard memiliki tubuh yang sederhana, tetapi tegap. Rambutnya lebat dan berwarna perang tua, namun di celah-celah rambutnya itu sudah kelihatan sedikit uban di sana sini. Seluruh muka dan lehernya bercukur rapi.

“Muda bermaksud tahun-tahun yang menanti seseorang di hadapan mereka dijangka melebihi tahun-tahun yang sudah berlalu,” jawab Richard sambil menuang sedikit susu ke dalam cawan tehnya.

“Kalau begitu, tua pula bermaksud bilangan tahun yang telah berlalu adalah lebih besar daripada bilangan tahun yang belum ditempuh. Bukan

begitu?” soal Hazel pula dengan diiringi tawa kecil sambil jari-jemarinya yang tirus licin itu mengambil sekeping biskut *Cream Crackers*.

Umur Hazel baru sahaja melangkaui angka tiga puluh tahun. Wajahnya yang bujur itu dihiasi oleh rambut yang panjang dan lebat berombak-ombak yang berwarna perang muda keemasan. Seperti biasa, tatkala berada di rumah pada petang begini, rambutnya itu dibiarkannya mengurai di dadanya. Tetapi ketika bersolek sebelum keluar dari rumah, rambutnya itu biasanya didandannya rapi, dikumpulkan menjadi sanggul nipis di sebelah belakang kepalanya. Pinggangnya yang ramping dan matanya yang biru itu memperlihatkan bentuk badan dan wajah yang betul-betul menarik.

“Dan umur pertengahan itu pula bermaksud bilangan tahun yang sudah dilalui hampir sama dengan bilangan tahun yang sudah berlalu,” sambung Richard kemudiannya.

Mereka sama-sama tertawa.

“Aku suka huraian kau; sangat ringkas dan *simple*,” kata Hazel, tersenyum; mata yang biru itu bersinar indah.

“Begitulah menurut fikiran perangkawan; semuanya berasaskan anggaran, iaitu anggaran yang bijak. Tetapi kalau berpandukan keadaan dunia yang tidak menentu sekarang, tahun-tahun yang belum kita tempuhi itu amat sukar untuk dijangka,” ucap Richard.

“Adakah kenyataan kau itu merujuk kepada keamanan yang kelihatan semakin pudar di seluruh dunia sekarang?” soal Hazel dengan wajah yang serta-merta berubah serius.

“Bukankah keadaan itu yang membimbangkan semua orang sekarang di seluruh tempat di dunia ini? Hai..., apalah yang sudah terjadi kepada dunia ini akhir-akhir ini? Tidak bolehkah manusia hidup dalam keadaan aman damai? Eropah berperang ... Asia berperang ... dan di sebelah sini, bagaimanakah pula agaknya nanti? Akan tercetus peperangan jugakah? Atau dapatkah keamanan di sebelah sini terus kekal seperti yang dinikmati selama ini?” soal Richard seolah-olah kepada dirinya sendiri; yang sebenarnya soalan yang dilontarkannya itu membayangkan perasaannya belakangan ini.

Mereka berbual-bual dengan penuh kebimbangan tentang kemungkinan tercetusnya peperangan di Semenanjung Tanah Melayu yang jika berlaku sudah pasti akan menjejaskan kehidupan mereka. Mereka terus berada di situ sehingga cawan masing-masing kosong, yang kemudiannya diambil oleh amah mereka lalu dibawanya ke dapur.

Akan tercetuskah peperangan di sini? Soalan itulah yang kerap kali bertandang dan mengganggu fikiran Richard sejak beberapa hari lalu, setiap kali dia terjaga daripada tidurnya. Peperangan yang terus bergolak di Eropah

sejak tahun 1939 sebagai akibat pencerobohan tentera Jerman ke atas Austria, Poland, dan lain-lain serta pencerobohan tentera Jepun ke atas Mongolia dan Tanah Besar China serta di kawasan-kawasan di sebelah timur pula, amat tidak menyenangkan perasaannya. Dan, dalam tempoh-tempoh tahun 1941 sekarang, perhatian dan minat tentera Jepun tampaknya sudah mula beralih ke bahagian Asia Tenggara pula – Indo-China, Indonesia, dan lain-lain dan tidak terkecuali Semenanjung Tanah Melayu, termasuklah Singapura.

Keesokan paginya, Richard bangun lebih awal. Seperti biasa, mulai bulan Oktober, musim tengkujuh mula melanda Semenanjung Tanah Melayu. Musim ini membawa hujan dan angin hampir setiap hari.

‘Mungkinkah tentera Jepun merancang untuk menyerang Semenanjung Tanah Melayu ketika negeri ini dilanda musim tengkujuh, berasaskan keyakinan mereka bahawa tentera British tidak berupaya untuk bertempur dalam hujan?’ fikirnya sebaik-baik sahaja matanya yang telah celik itu melihat-lihat kesamaran cahaya di sekelilingnya. Hujan lebat yang turun sejak semalam telah pun berhenti.

Seperti biasa, apabila bangun sahaja dia daripada tidur, dia terus berjalan dengan langkah yang cermat dan perlahan, membuka tingkap lalu menghirup udara pagi yang dingin dan nyaman. Pagi itu masih agak gelap. Hazel masih tidur. Nun di langit di sebelah barat, dari celah-celah ranting pokok getah, bulan purnama sedang mengambang; cahayanya melimpah masuk lalu menyinari wajahnya yang bujur itu. Rasa bimbang tentang kemungkinan berlakunya peperangan terus mengganggu fikirannya. Apabila mengingatkan masa depan yang tidak menentu itu, dia berdiri beberapa ketika, melihat pohon-pohon yang mengelilingi kawasan banglonya dengan air muka yang resah.

Seperti biasa juga, dari sebatang pokok sena yang besar dan rimbun di sebelah belakang banglo itu, kedengaran sekawan burung merbah mula berkicau riang, sebagai mengalu-alukan ketibaan hari baharu. Apabila kicauan burung itu menyentuh gegendang telinganya, Richard tersenyum kepada pokok-pokok di hadapannya.

‘Alangkah tenteram keadaan di sini sekarang! Alangkah indahnya hidup ini!’ fikirnya.

Banglo yang menjadi tempat tinggalnya itu merupakan bangunan dua tingkat; tiangnya terbuat daripada konkrit manakala bumbungnya terbuat daripada genting merah, namun sebahagian besar bahagian lain banglo itu terbuat daripada kayu meranti yang bercat putih. Kawasan di sekeliling banglo itu berumput hijau dan dipagari dengan buluh kecil. Kedua-dua tiang konkrit besar di bahagian hadapan rumah itu didakap oleh pohonan

*bougainvillea* yang berbunga lebat pelbagai warna pada sepanjang musim. Namun yang pasti, kediaman yang demikian indah itu sentiasa ditemani oleh kesunyian yang mendominasi ladang getah yang luas itu sambil diselangsungkan oleh bunyi keridik dan sekali-sekala oleh bunyi kenderaan nun jauh di jalan raya.

Dari tingkap di tengah-tengah bahagian hadapan rumah di antara dua batang tiang yang sentiasa dipenuhi oleh bunga *bougainvillea* itu, Richard terus merenung ke atas, ke arah daun-daun getah yang berkilauan oleh simbah hujan dan embun malam tadi, yang menari-nari lembut oleh tiupan bayu.

'Alangkah indahnyanya jika keamanan dapat terus dinikmati seperti ini!' fikirnya lagi.

Tidak lama kemudian, perlahan-lahan daun-daun di hadapannya itu bertukar warna oleh fajar pagi. Dia merasakan cahaya bulan yang lembut pada pagi itu begitu cepat hilang oleh sinar matahari yang begitu cepat muncul dari sebelah timur.

Ladang getah itu amat besar ertinya kepada Richard. Ayahnya sendiri merupakan orang penting dalam syarikat pengilang tayar Dunlop di England. Sambil berdiri di situ, dia terkenang akan zaman kanak-kanaknya dahulu; dia biasa mengikut ayahnya berjalan mengelilingi kilang untuk melihat cara getah diproses menjadi tayar. Di sekolah, dia belajar bagaimana biji-biji getah diseludup keluar dari tempat asalnya di Brazil untuk dibawa dan ditanam di Taman Kew di London dan kemudiannya dibawa ke Semenanjung Tanah Melayu untuk ditanam di Taman Botani di Singapura. Peneroka penting dalam industri getah di Semenanjung Tanah Melayu tidak lain tidak bukan H.N. Ridley, Pengarah Taman Botani, Singapura. Dari Singapuralah tanaman getah berkembang ke seluruh Semenanjung Tanah Melayu.

Sesiapa yang rapat dengannya sangat tahu akan minat dan kecintaannya terhadap ladang getah. Richard sejak sekian lama sedar bahawa banyak pihak yang memandang rendah terhadap ladang getah tanpa memikirkan besarnya pengaruh getah terhadap ekonomi Semenanjung Tanah Melayu, juga kepada ekonomi seluruh dunia. Dalam perbualannya, kerap kali Richard menyatakan bahawa getahlah, selain bijih timah, yang telah menjadi tulang belakang kepada ekonomi Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura. Wang yang mengalir daripada getah dan bijih timahlah yang telah menjanakan pembangunan kepada negeri ini sama ada dalam bentuk pekerjaan dan pentadbiran serta prasarana seperti sekolah, hospital, jalan raya, kereta api, pelabuhan, dan lain-lain, yang kesemuanya penting demi kesejahteraan hidup rakyat. Jadi, jika berlaku peperangan, industri getah akan terjejas dan tergendala sekali

gus menyebabkan kehidupan rakyat negeri ini ditimpa kesusahan yang sukar digambarkan.

Lamunannya tiba-tiba terhenti oleh sapaan isterinya.

“Bagaimana kau pagi ini, Richard?” soal Hazel sambil merenung seketika suaminya yang sedang berdiri di muka tingkap.

Hazel baru sahaja terjaga daripada tidur dan masih lagi berpakaian gaun tidur. Rambutnya yang panjang dan lebat berombak-ombak itu ditolaknya ke belakang.

“Oh ... kau pun sudah bangun, Hazel?” ucap Richard, sedikit terkejut. “Kau sendiri bagaimana? Engkau sedar tak tidurmu seperti terganggu malam tadi? Engkau tampak tidak begitu selesa sehari dua ini.”

“Oh, yakah? Mungkin kerana perubahan cuaca! Aku bangun awal kerana hari ini hari Ahad. Bukankah aku perlu ke gereja?” ujar Hazel lalu mendekati suaminya, dan kemudian memeluk dada suaminya itu.

Sebenarnya memang ada perubahan pada dirinya, seperti yang dikatakan oleh suaminya tadi, dan perubahan itu sama sekali bukan berpunca daripada perubahan cuaca. Hal itu disimpannya diam-diam jauh di dalam hatinya kerana dia sendiri berasa keliru. Setiap malam sebelum tidur, seperti amalan biasa kebanyakan penganut Katolik, Hazel melutut di sisi katil sambil memejamkan matanya serta merapatkan kedua-dua belah tangannya ke dada dan berdoa. Semalam, selepas melafazkan doa biasanya – “Bapak di syurga, sucinya namamu...” Hazel menggenggam rosario serta melafazkan permohonan:

“Oh, Ibu Mariam! Kukuhkan dan kekalkanlah kecintaanku terhadap suamiku, Richard. Aku tidak berupaya untuk menanggung beban cinta yang lain walau bagaimana indah sekalipun. Lindungilah kami daripada sebarang dugaan dan ancaman, dan kekalkanlah keamanan di dunia ini. Amen.”

Selepas melafazkan doa itu, perlahan-lahan Hazel mengangkat rosario ke bibir, memejamkan mata, dan mengucup salib perak yang terkait pada pangkal tasbih itu, dengan penuh taasub.

Mereka memang suami isteri, namun keimanan kedua-duanya berbeza. Hazel berpegang pada mazhab Roman Katolik, sebaliknya Richard berpaut pada Gereja England yang diketuai oleh Ketua Biskop Canterbury (*Archbishop of Canterbury*), bukannya Paus (*Pope*) yang menjadi ketua agama Katolik di Vatican, Rom. Hazel rajin ke gereja, tetapi Richard jarang-jarang kelihatan di mana-mana gereja sekalipun. Walau bagaimanapun, meskipun jarang-jarang ke gereja, Richard tetap seorang yang ikhlas dan jujur.

Nama perawan Hazel ialah Hazel Cumming. Mereka berkahwin di pejabat pendaftaran di London beberapa tahun yang lalu dan perkahwinan

mereka itu telah dikurniai seorang anak lelaki. Malangnya anak mereka itu meninggal dunia ketika baru berumur kira-kira setahun sebagai akibat jangkitan kuman pada paru-paru ketika musim sejuk yang keterlaluan di England pada tahun itu. Sungguhpun selepas itu mereka tidak dikurniai anak lagi, namun kedua-duanya hidup bahagia.

Mereka memang biasa berselisih faham pada awal perkenalan mereka dahulu. Richard berterus terang tentang pendapatnya bahawa dia tidak mempercayai suara Paus adalah suara Tuhan di dunia ini.

“Jadi, apa yang kaupercayai?” tanya Hazel kembali dengan nada marah. “Kau tidak pernah mencuba untuk mempercayai apa-apa pun. Kau tidak beriman!”

Mereka selepas itu telah berpisah beberapa lama, tetapi kemudian berbaik-baik semula; dan semenjak itu, mereka tidak pernah berbincang tentang hal-hal yang berkaitan agama lagi. Mereka tahu dan faham akan kedudukan masing-masing dan saling menghormati pendapat masing-masing. Walau bagaimanapun, di dalam hati, Richard yakin bahawa amalan keagamaan yang dipraktikkan Hazel itu hanya berasaskan kebiasaan dan tabiat semata-mata, tidak lebih daripada itu. Hal ini demikian kerana sejak kecil lagi Hazel telah diasuh dan diajar begitu oleh keluarganya hingga tabiat itu akhirnya bersebuti dan membudaya dalam dirinya; keadaan yang demikian itu terus bertambah oleh kata-kata paderi yang didengar oleh Hazel setiap minggu, hingga sukar untuk ditinggalkan lagi.

“Oh, ya! Maafkan aku, Hazel ... hari ini hari Sabbath, hari kau ke gereja,” ucap Richard lalu memeluk isterinya kembali seraya mengucup pipinya.

“Kau sendiri pun kelihatan runsing akhir-akhir ini, bukan begitu?” tanya Hazel, sungguhpun memang sudah diketahuinya akan hal yang merunsingkan suaminya belakangan ini. Hazel melihat ke dalam mata suaminya yang berwarna perang muda itu buat seketika untuk mencari apa-apa keraguan di dalam hatinya. Namun, dia berasa lega setelah mendapati suaminya itu tetap seperti biasa; tidak sedikit pun kelihatan sebarang kelainan pada perasaan dan isi hatinya.

“Keadaan pada masa ini amat merunsingkan, Hazel. Tentera Jepun sedang mara ke arah selatan selepas berjaya menawan beberapa buah bandar dan kawasan di Tanah Besar China, bermula daripada penaklukan Manchuria sepuluh tahun lalu. Dua tahun lalu, mereka berjaya menawan Pulau Hainan dan diikuti oleh jatuhnya Kepulauan Spratly ke tangan mereka. Baru-baru ini pula, tanah jajahan Perancis, iaitu Indo-China, telah jatuh dalam genggaman mereka. Aku bimbang Hong Kong pula akan jatuh ke tangan mereka,”

jawab Richard. Dahinya dikerutkannya manakala kepalanya digeleng-gelengkannya, membayangkan perasaan runsingnya.

“Hairan aku, mengapa tentera Perancis mengalah dengan begitu mudah?” soal Hazel dengan suara yang sedikit tinggi sambil berpaling ke luar tingkap.

“Engkau tentu tahu bahawa negara Perancis sendiri telah ditawan oleh tentera Jerman. Saki-baki tentera yang dimiliki oleh kuasa Perancis tidak mampu untuk menentang Jepun, musuh mereka yang merupakan sekutu Jerman itu. Lagipun tentera Jerman telah memberikan amaran keras kepada pihak Perancis supaya tidak menentang kemaraan tentera Jepun. Tetapi yang amat merunsingkan semua pihak sekarang ialah, pihak Jepun besar kemungkinan tidak akan berhenti setakat di Indo-China sahaja, sebaliknya mereka akan terus mara. Apakah sebenarnya tujuan mereka menandatangani pakatan ketenteraan dengan pihak Jerman dan Itali di Berlin baru-baru ini? Aku khuatir, tidak lama lagi Semenanjung Tanah Melayu ini akan jatuh ke tangan mereka. Jika hal ini berlaku, apakah nanti yang akan terjadi pada ladang kita ini dan pada kehidupan kita nanti?” soal Richard dengan suara yang hampir tidak kedengaran oleh Hazel kerana suaminya itu seolah-olah berkata kepada dirinya sendiri.

“Aku sedar akan kecintaanmu terhadap ladang ini, tetapi janganlah sampai memikirkan yang bukan-bukan, sayang! Kita dilindungi oleh kuasa British. Pertahanan di Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura telah lama dirancang, dan kita memiliki pangkalan tentera laut yang kukuh di Singapura, malah seluruh sistem pertahanan di Semenanjung sedang diperketat sekarang. Dalam peperangan di Eropah sekarang pun, England masih belum dapat dikalahkan walaupun Perancis sudah pun tewas. Kaufikir tentera British dapat diatasi oleh kuasa sekecil Jepun itu? Tidak mungkin! Kita perlu percaya dan yakin, Richard,” kata Hazel dengan suara yang lembut sambil mendongak merenung muka suaminya.

“Percaya dan yakin katamu, sayang. Ya, aku sangat berharap kata-katamu itu betul, tetapi bagaimanakah agaknya hendak aku lenyapkan kerunsingan di hati ini oleh peristiwa yang semakin hangat dan meluap-luap di Teluk Siam sekarang?” sungutnya.

Kedua-duanya diam sejeurus. Di luar, hari sudah semakin cerah; warna daun dan bunga sudah jelas kelihatan. Tiba-tiba, jauh dari dalam ladang, kedengaran bunyi enjin kereta menghampiri halaman banglo mereka melalui sebatang jalan tanah merah di celah-celah deretan pokok getah; jalan itulah yang menghubungkan tempat tinggal mereka dengan dunia luar.

“Itu tentu Jerry,” kata Richard.

Dari tingkap tempat mereka berdiri, di sebelah bawah, kelihatan sebuah lori kecil berhenti di halaman. Bunyi enjinnya sedikit bising manakala cahaya lampunya menerangi halaman banglo. Amah mereka, seorang perempuan Jawa bernama Mina, berlari-lari ke arah pintu pagar lalu membukanya. Mina yang sudah mencapai usia lima puluh tahun itu berkelulusan sekolah tinggi di Batavia, tetapi desakan hidup di sana telah membawanya ke Semenanjung Tanah Melayu ini.

## 2

JERRY datang ke kediaman Richard dan Hazel tiga kali seminggu untuk menghantar pelbagai pesanan seperti roti, telur, daging, buah-buahan, dan sayur-sayuran. Sebahagian besar bahan makanan import diperoleh Jerry daripada Gedung Cold Storage Creameries di Pulau Pinang. Sepanjang mereka tinggal di situ, Jerry telah memberikan perkhidmatan yang amat memuaskan. Apa-apa yang diminta dan dipesan oleh mereka sebagai pelanggannya, dilaksanakannya dengan tepat dan cekap. Oleh itu, Richard dan malah semua pelanggan Jerry sangat puas hati dan mesra dengannya walaupun Jerry bukan orang Eropah.

Jerry berbadan tegap, berkulit putih kuning. Matanya agak besar dan rambutnya hitam lebat. Umurnya dalam lingkungan 25 tahun. Di Pulau Pinang, dia dikenal dengan nama Ah Kow. Dalam kehidupan sehariannya, dia bertutur dalam bahasa Hokkien dan bahasa Melayu. Bahasa Inggerisnya tidak begitu baik, tetapi dia dapat berbual dengan sesiapa sahaja dengan berkesan. Dia kerap kali ditegur oleh pelanggan-pelanggannya di sana sini dengan sapaan "Helo, Jerry!" dan jawapan yang biasa diberikannya ialah "Helo, Tuan!" atau "Helo, Mem!" dengan iringan senyuman yang paling mesra.

Jerry tiba di Pulau Pinang dengan ibu bapanya dari Taiwan yang pada waktu itu telah menjadi sebahagian daripada tanah jajahan Jepun. Ketigatiga beranak itu sudah menetap di Pulau Pinang sejak beberapa tahun lalu, menjalankan perniagaan dengan jayanya. Baru-baru ini ibu bapanya telah berpindah ke Singapura. Menurut Jerry, ibu bapanya itu membuka perniagaan baharu di sana. Sekarang dialah yang mengurus perniagaannya bersama-sama dengan dua orang pembantunya, yang merupakan orang tempatan.

Seluruh pelanggan dan masyarakat yang berurusan dengannya mempercayai bahawa Jerry itu berketurunan Tionghoa Hokkien. Tidak ada seorang pun yang menyangka bahawa sebenarnya dia itu berbangsa Jepun tulen. Nama asalnya ialah Harada. Dia sekeluarga merupakan pengintip yang bekerja di bawah arahan tentera Jepun secara rahsia. Itulah antara sebab

mereka berada di Semenanjung Tanah Melayu. Kawasan intipan yang berada di bawah pengawasan Jerry ialah seluruh kawasan di utara Semenanjung Tanah Melayu, termasuklah Pulau Pinang.

Bertaburan di lokasi-lokasi yang strategik, terdapat beberapa orang ejen tentera Jepun yang menyamar sebagai peniaga dalam pelbagai jenis perniagaan dan pekerjaan. Secara diam-diam dan terlindung oleh kehidupan seharian masyarakat tempatan yang kebanyakannya hidup kais pagi makan pagi, kais petang makan petang itu, ejen-ejen tentera Jepun ini sentiasa aktif memerhatikan keadaan dan segala persiapan ketenteraan dan peristiwa di sekeliling mereka, terutamanya yang strategik untuk kepentingan tentera Jepun nanti. Selain itu, Jerry dan orang-orangnya dikehendaki supaya mengumpulkan segala maklumat tentang kekayaan yang dimiliki oleh hartawan tempatan. Antara maklumat yang dikehendaki termasuklah senarai nama hartawan serta alamat mereka, sumber kekayaan dan anggaran kekayaan yang dimiliki mereka, termasuklah jenis kekayaan mereka.

Awal tahun lalu, Jerry telah diarahkan untuk mengumpulkan maklumat tentang air pasang surut dan keadaan ombak pada bulan Disember di sepanjang pantai di daerah utara Kota Bharu, Kelantan. Dia juga diminta supaya mengumpulkan maklumat tentang keadaan sempadan di sebelah utara Semenanjung Tanah Melayu. Semua maklumat itu sudah pun diperolehnya dan telah pun dikirikkannya kepada wakil tentera Jepun bersama-sama dengan gambar foto tempat-tempat itu sekali. Sekarang mereka dikehendaki supaya mendapatkan maklumat tentang jenis dan bilangan pesawat, alat pengangkutan, senjata berat yang dimiliki, serta kekuatan tentera pertahanan British dari segi bilangan askar, tempat, dan saiz perkhemahan askar.

Selain mengumpulkan maklumat tentang persiapan pertahanan oleh pihak British, Jerry juga diarahkan supaya memerhatikan gerak-geri rakyat tempatan yang berkemungkinan mendatangkan masalah atau menjadi penghalang kepada pemerintahan tentera Jepun kelak. Oleh itu, Jerry dan orang-orangnya kerap singgah di pelbagai perkumpulan seperti di kedai kopi untuk mendengar perbualan para pelanggan dan mengenal pasti mana-mana orang yang berkemungkinan menjadi pemimpin mana-mana persatuan dan perkumpulan. Antara yang perlu dikenal pasti termasuklah yang berkaitan dengan pergerakan anti-Jepun, iaitu serpihan pergerakan yang terdapat di Tanah Besar China. Satu lagi yang harus dikenal pasti mereka ialah anasir-anasir komunis yang sememangnya menjadi musuh ketat kepada pihak berkuasa Jerman, Itali, dan Jepun.

Jerry hanya mengetahui hasrat dan hajat tentera Jepun secara umum. Rancangan peperangan yang tepat oleh tentera Jepun berad-